

18 SEP 1998

Komanwel-Menembak (Nurul Huda)

NURUL HUDA MENANG EMAS DAN PECAHKAN REKOD SUKAN KOMANWEL

Oleh: Jamaluddin Muhammad

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Buat kali pertama dalam sejarah 64 tahun Sukan Komanwel, Malaysia akhirnya memenangi pingat emas pertamanya dalam acara menembak di sini, hari ini.

Nurul Huda Baharin juga memecahkan rekod temasya itu dalam acara air rifle individu wanita dengan memungut 494.8 mata, di sebalik lengan kanannya yang patah.

Rekod baru itu melebihi 6.1 mata daripada rekod lama 488.7 mata yang dibuat oleh Fani Theofanus dari Cyprus empat tahun lepas.

Nurul Huda kelihatan menangis sebaik selepas acara itu dan rakannya, Abdul Mutalib Abdul Razak, pemenang pingat perak air rifle berpasangan lelaki, kemudian menyertainya berdoa untuk mengucapkan syukur di atas kemenangan itu.

Abdul Mutalib kemudian mengetuai rakan sepasukannya menyanyikan lagu patriotik "Barisan Kita" dan melaungkan slogan "Malaysia Boleh."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin kemudian menyertai saat gemilang itu di Lapang Sasar Antarabangsa Malaysia, Langkawi.

"Tahniah," kata Dr Mahathir kepada Nurul Huda.

Nurul Huda memasuki pertandingan akhir acara ini sebagai penembak pilihan selepas mendapat 394 mata dalam pusingan kelayakan, kurang enam mata daripada jumlah maksimum.

Bowes diletakkan kedua dengan 392 mata, dua mata di belakang Nurul Huda.

Nurul Huda mendahului dari permulaan acara ini pada pertandingan akhir walaupun hanya mendapat 8.8 mata untuk tembakan pertama dengan mengatasi Bowes hanya 0.4 mata.

Bagaimanapun, penembak Malaysia itu pulih cepat pada tembakan seterusnya dengan membuat 10.4, 10.3, 10.8, 10.6, 10.2, 10.5, 10.0, 9.2 dan 10.0.

"Saya sedikit gementara dan secara tidak sengaja terpetik picu rifle dan mendapat 8.8 mata pada tembakan pertama," kata beliau.

"Mentalnya kuat. Itu sebabnya dia cepat pulih daripada kesipalan awal," kata jurulatih mentalnya, ASP Nordin Idris.

Bowes mengakhiri 10 tembakannya dengan 10.4, 9.9, 10.1, 9.0, 10.8, 10.2, 9.9, 10.1, 10.3, 10.6 dengan mengumpul 493.3.

Nurul Huda, yang mendapat tempat ke-13 daripada 107 penembak acara air rifle pada kejohanan dunia Barcelona, Julai lepas, patah lengan kanannya dalam kemalangan motosikal di Kuala Lumpur 10 Ogos lepas menyebabkan peluang Malaysia mendapat emas acara ini menjadi tanda tanya.

"Saya tidak mengharapkan apa-apa, menang emas atau pecahkan rekod Sukan Komanwel disebabkan keadaan lengan saya," kata Nurul.

"Apa yang mahu saya lakukan ialah menembak dengan baik untuk Malaysia dan saya tujukan pingat ini untuk semua rakyat Malaysia," katanya.

Nurul Huda berkata dia masih terasa sakit pada lengan ketika pertandingan ini dan menambah beliau tidak terasa tertekan, walaupun mendapat tentangan hebat.

"Nurul Huda menembak dengan baik," kata Bowes.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan pingat emas itu kepada Nurul Huda pada upacara penyampaian pingat di lapang sasaran itu.

-- BERNAMA

JM ZB

